

# Tohmahan pihak tidak bertanggungjawab: PM

# Tiada perselisihan

BH 28 DEC 1994

Oleh Dzulkfley Zanudin, Ahmad Shuhami Zabri dan Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan sesetengah pihak yang tidak senang melihat hubungan baik beliau dengan Timbalannya sengaja melemparkan tohmahan kononnya wujud perselisihan di antara mereka.

Perdana Menteri berkata, hubungan di antara beliau dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mempunyai sebarang masalah, sebaliknya isu pergesehan mereka ditimbulkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab termasuk parti pembangkang.

"Orang tidak senang jika tiada perselisihan di antara saya dan orang nombor dua saya. Bila tidak puas hati, dia (pihak terbabit) cuba mereka-reka (cerita) mengenai hubungan kami.

"Walau apa pun saya kata, dia akan tafsirkan sebagai bukti saya dan orang nombor dua tidak bersejua. Ini perkara biasa.

"Mereka berharap agar dengan adanya perselisihan ini, kerajaan Malaysia menghadapi masalah dan pertumbuhan ekonomi serta keamanan di negara ini terjejas," katanya.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika menjawab soalan wartawan *Asia Business*

*News* (ABN) dari Singapura melalui wawancara khas secara siaran lintas langsung di Angkasapuri, di sini hari ini.

Wawancara khas itu adalah sebahagian acara lawatan rasmi beliau ke Angkapuri sempena pelancaran Kempen Budi dan Jasa. Sebelum itu, beliau merasmikan Pusat Berita Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang dilengkapi sistem komputer canggih. Hadir sama ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Dr Mahathir berkata: "Tidak wujud perbezaan pendapat di antara Anwar dan saya. Isu ini wujud kerana tafsiran semua pihak terhadap apa yang saya kata dan Anwar katakan. Kami bersejua dalam pelbagai isu."

Perdana Menteri berkata, beliau dan Timbalannya bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali seminggu bagi membincangkan pelbagai isu.

"Malah pagi ini, saya mengadakan pertemuan dengannya. Kami berbincang perkara membabitkan tugasnya dan tugas saya. Kami menyelaraskan tugas dengan baik sekali," katanya.

Bercakap selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan pegawai Kementerian Penerangan di akhir lawatan itu,

LIHAT MUKA 2

## Mahathir tolak tohmahan

DARI MUKA 1

Dr Mahathir berkata, beliau percaya pihak tidak bertanggungjawab termasuk parti pembangkang akan terus membuat tohmahan mengenai hubungannya dengan Anwar dalam kempen pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir berkata, sebenarnya banyak pihak tidak senang hati melihat Malaysia aman dan tiada pertelingkahan kaum serta menikmati pertumbuhan ekonomi yang baik, dengan cuba membuat tohmahan bagi menimbulkan masalah.

Pihak terbabit juga, katanya, sama ada orang dalam atau luar, tidak berpuas hati berikutan hubungan baik yang wujud di antara beliau dan Timbalan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berpendapat, tohmahan itu akan berterusan pada masa depan walaupun beliau dan Timbalannya sering menjelaskan mereka tiada sebarang masalah.